

SOALAN NO. 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]**

TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan ;**

- (a) Apakah terdapat peruntukan undang-undang yang boleh dikenakan terhadap isteri yang melakukan keganasan terhadap suami; dan
- (b) Berapakah jumlah kes dilaporkan dan sudah dijatuhkan hukuman.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan cara berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi dan mental sama ada kepada suami, isteri dan anak-anak mahupun anggota keluarga yang lain.

(a) Bagi menangani kes-kes keganasan rumah tangga, Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) telah digubal pada tahun 1994. Akta ini memberi perlindungan bukan hanya kepada seseorang isteri atau suami tetapi juga anggota keluarga yang lain. Dalam hal ini, seseorang isteri yang melakukan keganasan terhadap suaminya boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah AKRT.

Tuan Yang Dipertua,

(b) Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari tahun 2011 hingga tahun 2013, sebanyak 151 kes penderaan suami oleh isteri telah dilaporkan. Daripada jumlah ini, sebanyak 3 kes telah dituduh manakala baki 148 kes masih dalam siasatan PDRM.